



08 OCT, 2020

## Empat daerah diisyihar zon merah

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 4

Kerajaan aktifkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat mulai tengah malam ini

# Klang dikurung

Covid-19 #kitamestimemang  
» LAPORAN PENUH DI MUKA 2, 3, 4 & 5

Penduduk

KLANG **879,867**  
SANDAKAN **503,000**  
PAPAR **164,000**  
TUARAN **126,000**

- Penduduk di Klang, Selangor dan Sandakan, Papar serta Tuaran di Sabah diarah untuk menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selama 14 hari selepas dikelasifikasi sebagai zon merah kerana mempunyai lebih 40 kes positif Covid-19.
- Perintah PKPB berkuat kuasa Jumaat ini.
- Sepanjang PKPB, orang ramai tidak boleh bergerak dari dan ke kawasan tersebut dan hanya perkhidmatan perlu seperti kilang-kilang yang berkaitan dengan rantai sahaja dibenarkan.

08 OCT, 2020

## Empat daerah diisyihar zon merah

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 4

Penduduk Klang, Sabah tidak dibenarkan keluar elak penyebaran Covid-19

# Empat daerah diisyihar zon merah

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Kerajaan akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di empat kawasan zon merah iaitu Klang di Selangor, Sandakan, Papar dan Tuaran di Sabah selama 14 hari berikut kuasa Jumaat ini.

PKPB itu melibatkan 879,867 penduduk di Klang, Sandakan (503,000), Papar (164,000) dan Tuaran (126,000). Empat kawasan itu baru diklasifikasi sebagai zon merah kerana mempunyai lebih 40 kes positif Covid-19.

Sehubungan itu, semua masjid dan rumah ibadat serta institusi pendidikan termasuk sekolah, tadika, taska, pusat tahliz dan pusat jagaan kanak-kanak diarah secara bersasar dilaksanakan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia bagi membendung penularan Covid-19 di empat kawasan berkenaan serta membolehkan aktiviti pengesanan kes secara bersasar dilaksanakan.

Beliau berkata, pergerakan dari dan ke kawasan tersebut adalah tidak dibenarkan dan hanya perkhidmatan perlu termasuk kilang-kilang yang berkaitan dengan rantai dikenakan.

"Pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan menyenaraikan jenis-jenis perkhidmatan perlu atau perniagaan lain yang terbatasi dalam kawasan tersebut," katanya pada sidang akbar menerusi laman Facebook Kementerian Pertahanan di sini semalam.

Tambahnya, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan



ORANG awam dikehendaki memberikan kerjasama dan mengikut arahan anggota keselamatan sepanjang PKPB di zon merah. – GAMBAR HIASAN

Malaysia dan pihak berkuasa tempatan diberi kuasa untuk mengawal seluruh kawasan terlibat sepanjang tempoh PKPB.

Menurut Ismail Sabri, semua penduduk diminta bertention dan memberi kerjasama kepada petugas-petugas dari Kementerian Kesihatan serta mematuhi arahan pihak berkuasa.

"Hanya premis perniagaan yang menyediakan perkhidmatan perlu dibenarkan beroperasi seperti kedai makan, kedai runtut, stesen minyak dan farmasi bagi tempoh 6 pagi hingga 6 pe-

tang," katanya.

Ujar Ismail Sabri, waktu operasi klinik dan hospital kerajaan dan swasta dibenarkan secara 24 jam.

"Operasi pasar harian pula adalah antara 6 pagi hingga 2 petang sahaja, manakala operasi pasar malam, tamu, pasar borong dan pasar tani adalah tidak dibenarkan polis."

"Perniagaan bukan perkhidmatan lain juga hendaklah ditutup, manakala pembelian makanan hanya menggunakan kaedah pandu lalu, penghan-

taran dan bawa pulang sahaja. Khidmat penghantaran makanan dibenarkan beroperasi dari puluk 6 pagi hingga 8 malam sahaja," katanya.

Beliau berkata, kenderaan yang membawa barang keperluan pula dibenarkan keluar masuk dengan mendapatkan kebenaran polis.

"Perkhidmatan teksi dan e-hailing dibenarkan mengambil dua penumpang dari puluk 6 pagi hingga 8 malam sahaja.

"Perkhidmatan bas ekspres dan bas henti-henti tidak dibenarkan beroperasi. Bagi kes keemasan adalah dibenarkan tetapi perlu mengemukakan permohonan," katanya.

Menurutnya lagi, penduduk yang bekerja tidak dibenarkan keluar dari kawasan dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPB justeru, majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah.

"Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu dengan mendapat kelulusan polis," katanya.


08 OCT, 2020

## Empat daerah diisyihar zon merah


Kosmo, Malaysia

Page 3 of 4


### Pecahan kes harian mengikut negeri



### Kawasan zon merah dan kuning



### Bilangan kes harian dan kes pulih





08 OCT, 2020

## Empat daerah diisyihar zon merah

Kosmo, Malaysia

Page 4 of 4

### SUMMARIES

Penduduk Kerajaan aktifkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat mulai tengah malam iniKlang dikuruh: [ • « , K M \* • « » « »]  
• Penduduk di Klang, Selangor dan Sandakan, Papar serta Tuaran di Sabah diarah untuk menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selama 14 hari selepas diklasifikasikan sebagai zon merah kerana mempunyai lebih 40 kes positif Covid-19.